YONG JACKSON & YANG LAIN
lwn.
UM TIMBER CRAFT SDN BHD

Mahkamah Majistret, Seremban
Fairuz Syuhada Amran M
[Guaman Sivil No: NA-A72NCvC-642-12/2023]
21 Oktober 2025

Kes-kes yang dirujuk:
Ce Resources Sdn Bhd v. Owners of Ship Tanga 01 [2016] MLRHU 1069 (dirujuk)
Hoenig v. Isaacs [1952] 2 All ER 176 (dirujuk)
K P Kunchi Raman v. Goh Brothers Sdn Bhd [1977] 1 MLRH 257; [1978] 1 MLJ 89 (dirujuk)
Unsung Rasad v. PP [2020] 1 SSLR 85; [2019] 4 MLJ 448 (dirujuk)
Voon Jan Choo v. Lee Chie Siang & Anor [2007] 2 MLRH 601; [2007] 7 MLJ 77; [2007] 9 CLJ 242 (dirujuk)

Perundangan yang dirujuk:
Contracts Act 1950, s 18
Evidence Act 1950, ss 3, 101, 103

Kaunsel:
Bagi pihak plaintif: Shankar Ramachandran; Tetuan Ramachandran Shankar & Co
Bagi pihak defendan: Kohila Yanasekaran; Tetuan Kohi & Associates

[Menolak tuntutan Plaintif dan membenarkan tuntutan balas Defendan dengan kos.]

PENGHAKIMAN

Fairuz Syuhada Amran M:

Pendahuluan

[1] Ini adalah merupakan rayuan oleh Plaintif-Plaintif yang tidak berpuas hati terhadap keputusan di akhir kes perbicaraan penuh Mahkamah Majistret Sivil Seremban pada 21 Oktober 2025 yang telah menolak tuntutan Plaintif-Plaintif terhadap Defendan dan membenarkan tuntutan balas Defendan terhadap Plaintif-Plaintif.

[2] Sebagai pendahuluan, pihak Plaintif dalam tindakan ini telah memfailkan satu tuntutan ganti rugi terhadap pihak Defendan bagi satu pertikaian berhubung dengan kemungkiran perjanjian yang dikatakan berlaku di antara pihak Plaintif dan pihak Defendan.

[3] Secara ringkasnya tuntutan pihak Plaintif terhadap pihak Defendan adalah seperti berikut;

(a) Defendan hendaklah membayar wang sebanyak RM40,000.00 kepada Plaintif-Plaintif;

(b) faedah sebanyak 5% setahun ke atas jumlah tersebut dari tarikh Penghakiman sehingga tarikh penyelesaian penuh;

(c) gantirugi am ke atas kemungkiran Defendan;

(d) gantirugi ke atas kerugian dan kehilangan plaintif-plaintif;

(e) gantirugi teladan;

(f) kos tindakan; dan

(g) apa-apa relif lanjutan dan/atau relif yang lain yang adil dan sesuai.

[4] Manakala Defendan pula telah memfailkan satu tuntutan balas terhadap Plaintif-Plaintif menuntut ganti rugi berhubung dengan kos kerja-kerja pembekalan, pemasangan dan pembinaan yang telah dilaksanakan oleh Defendan kepada Plaintif-Plaintif yang mana adalah seperti berikut:

(a) gantirugi khas sebanyak RM19,000.00;

(b) faedah sebanyak 2.5% setahun ke atas jumlah gantirugi khas dari tarikh pecah kontrak sehingga tarikh penghakiman;

(c) faedah sebanyak 5% setahun ke atas jumlah penghakiman dari tarikh Penghakiman sehingga tarikh pembayaran;

(d) kos tindakan; dan

(e) apa-apa relif lanjutan dan/atau relif yang lain yang adil dan sesuai.

[5] Tuntutan Plaintif-Plaintif dan tuntutan balas Defendan tersebut telah melalui proses perbicaraan penuh di Mahkamah ini dengan saksi-saksi yang terlibat adalah seperti berikut;

(a) Saksi Plaintif:

Plaintif-Plaintif telah memanggil Sembilan (9) orang saksi seperti yang berikut:

(i) Kung Oi Fah (SP1)

(ii) Yong Sook Yee (SP2)

(iii) Zalifah Azura Binti Mohamad Basri (SP3)

(iv) Ong Siew Wey (SP4)

(v) Bak Lew Chye (SP5)

(vi) Sao Terk Jeng (SP6)

(vii) Kelly Lee Kah Yan (SP7)

(viii) Yong Kwok Leong (SP8)

(ix) Yong Jackson (SP9)

(b) Saksi Defendan:

Manakala pihak Defendan hanya memanggil seorang saksi iaitu;

(i) Chong Tze Yaw (SD1)

[6] Di akhir kes perbicaraan, Mahkamah ini telah memutuskan bahawa pihak Plaintif telah gagal membuktikan tuntutannya di atas ujian imbangan kebarangkalian dan Mahkamah menolak tuntutan Plaintif ke atas Defendan dengan kos.

[7] Manakala bagi tuntutan balas pihak Defendan pula, Mahkamah memutuskan bahawa pihak Defendan telah berjaya membuktikan tuntutan balasnya terhadap Plaintif-Plaintif di atas ujian imbangan kebarangkalian dan Mahkamah membenarkan tuntutan balas Defendan dengan kos.

[8] Tidak berpuas hati dengan keputusan Majistret tersebut, pada 29 Oktober 2025 pihak Plaintif-Plaintif telah memfailkan satu Notis Rayuan di Mahkamah Tinggi Seremban untuk merayu terhadap keseluruhan keputusan Majistret bertarikh 21 Oktober 2025.

Fakta Kes

[9] Plaintif-Plaintif adalah merupakan rakan kongsi bagi perniagaan perkongsian Dancemaxx Factory. Manakala, Defendan pula adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang menjalankan perniagaan pertukangan kayu.

[10] Defendan telah menyatakan bahawa beliau telah diperkenalkan kepada Plaintif-Plaintif oleh Puan Kung Oi Fah (wakil rasmi Plaintif-Plaintif) yang juga merupakan bekas peguam Plaintif dan rakan menari mereka.

[11] Pada atau sekitar Oktober 2023, Plaintif mendakwa bahawa Defendan telah membuat representasi berhubung kemampuan Defendan untuk membekalkan dan memasang lantai tarian kayu yang boleh ditanggalkan untuk penggunaan eksklusif Plaintif-Plaintif di acara pertandingan tarian dari

semasa ke semasa.

[12] Oleh itu, akibat daripada representasi tersebut, Plaintif telah bersetuju untuk mendapatkan khidmat Defendan bagi kerja-kerja pembekalan dan pemasangan lantai tarian kayu seluas 2400 kaki persegi (60' x 40') yang boleh ditanggal dan dipasang semula bagi acara pertandingan tarian di Hotel Royale Chulan, Seremban pada 28 Oktober 2023 dan untuk digunakan secara eksklusif dalam pertandingan tarian anjuran Dancemaxx Factor pada masa akan datang.

[13] Melalui invois bertarikh 30 Mac 2023, Defendan telah mengenakan kos pembekalan dan pemasangan bagi lantai tarian kayu tersebut kepada Plaintif-Plaintif sebanyak RM40,000.00 dan kos tersebut telahpun dibayar oleh Plaintif-Plaintif kepada Defendan melalui dua pembayaran secara cek Public Bank Berhad bertarikh 5 April 2023 dan 24 Ogos 2023.

[14] Pada atau sekitar Julai 2023, Defendan atas permintaan Plaintif-Plaintif telah bersetuju untuk menambah saiz lantai tarian kepada 2800 kaki persegi (70' x 40') dengan kos tambahan sebanyak RM6,000.00. Plaintif mendakwa pihak-pihak telah bersetuju bahawa kos tambahan tersebut akan dibayar selepas lantai tersebut sempurna dipasang dan digunakan di acara pertandingan tarian di Hotel Royale Chulan, Seremban.

[15] Pada 27 Oktober 2023 Defendan telah mula memasang lantai tarian di bilik tarian di Hotel Royale Chulan seperti yang diminta oleh Plaintif-Plaintif dari jam 2.00pm sehingga jam 5.00am keesokannya. Pemasangan lantai tarian tersebut telah mengambil masa selama 15 jam. Oleh yang demikian, Plaintif-Plaintif mendakwa bahawa kerja-kerja pemasangan lampu dan sistem bunyi telah terjejas dan tertangguh akibat daripada kelewatan pemasangan lantai tarian siap dipasang.

[16] Plaintif-Plaintif mendakwa bahawa sejurus selepas acara pertandingan dimulakan, Plaintif-Plaintif mendapati bahawa lantai tarian tersebut tidak sepadan dengan keperluan dan tidak sesuai untuk tujuan tarian kerana terdapat jurang diantara lantai dan permukaan lantai juga tidak rata. Dalam hal tersebut, pihak Plaintif-Plaintif mendakwa bahawa pihak mereka terpaksa menggunakan pelekat pita untuk merapatkan jurang lantai yang menjadi semakin besar semasa acara pertandingan berlangsung.

[17] Pihak Plaintif menyatakan bahawa pihak mereka telah menerima pelbagai aduan daripada penari-penari, peserta-peserta, guru-guru dan hakim-hakim bahawa terdapat kecacatan pada lantai tarian kayu tersebut.

[18] Akibat daripada aduan kecacatan tersebut, Plaintif-Plaintif mendakwa bahawa pihak Plaintif telah mengalami kesulitan, ketidakselesaan, penekanan, kerisauan serta menanggung kehilangan dan kerugian.

[19] Oleh sebab itu, Plaintif telah memfailkan tindakan saman sivil terhadap Defendan bagi menuntut gantirugi yang dialami oleh Plaintif-Plaintif akibat daripada tindakan Defendan tersebut.

[20] Defendan pula menegaskan bahawa selepas pemasangan lantai tarian tersebut, lantai kayu tarian tersebut telah digunakan sepenuhnya oleh pihak Plaintif-Plaintif untuk pertandingan tarian yang berlangsung pada 28 Oktober 2023. Defendan juga menyatakan bahawa sebelum, semasa dan setelah lantai kayu tarian tersebut telah dipasang, tiada sebarang bantahan daripada pihak Plaintif-Plaintif mengenai pemasangan lantai tersebut kepada Defendan.

[21] Akan tetapi, selepas acara tarian di Hotel Royale Chulan tersebut tamat pada 28 Oktober 2023, Plaintif-Plaintif telah mula membangkitkan aduan terhadap kualiti kerja Defendan dan membuat tuntutan pulangan penuh (full refund) bagi kos pemasangan dan pembekalan lantai kayu tarian tersebut.

[22] Pihak Defendan menegaskan bahawa pihak Defendan telah memenuhi tanggungjawabnya dalam membekal dan memasang lantai tarian kayu tersebut sebagaimana yang diminta oleh Plaintif-Plaintif dan sebarang kecacatan kecil tidak menjejaskan fungsi utama lantai yang digunakan secara menyeluruh.

[23] Defendan juga menyatakan bahawa lantai tarian tersebut masih disimpan oleh Defendan selepas acara pertandingan tamat.

[24] Sebagai tuntutan balas, pihak Defendan menyatakan bahawa pihak Plaintif juga telah memecah kontrak dengan pihak Defendan apabila pihak Plaintif gagal untuk membayar RM13,000.00 kepada Defendan bagi kerja-kerja pembinaan yang disiapkan di Dance Studio milik Plaintif-Plaintif.

[25] Defendan mendakwa bahawa bayaran bagi kos kerja-kerja tersebut telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak melalui invois bertarikh 18 Oktober 2023.

[26] Selain itu, pihak Defendan juga mendakwa bahawa kos tambahan pemasangan lantai tarian tambahan berjumlah RM6,000.00 juga masih belum dibayar oleh Plaintif-Plaintif sehingga kini walaupun kerja-kerja pembekalan dan pemasangan lantai kayu telahpun siap disempurnakan di hotel tersebut.

Isu Untuk Diputuskan

[27] Isu-isu yang perlu diputuskan oleh Mahkamah adalah seperti berikut:

(i) sama ada wujud kontrak yang sah dan sama ada terma-terma kontrak telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak;

(ii) sama ada defendan telah memenuhi obligasinya dan sama ada Plaintif-Plaintif berhak menuntut bayaran balik;

(iii) sama ada terdapat unsur misrepresentation (salah nyata) oleh pihak Defendan terhadap Plaintif dalam urusan pembekalan dan pemasangan lantai kayu tarian tersebut;

(iv) sama ada kerugian Plaintif-Plaintif dibuktikan; dan

(v) sama ada Defendan telah membuktikan tuntutan balas.

[28] Mahkamah dengan ini akan membincangkan isu-isu yang dibangkitkan dalam tindakan ini satu persatu.

Dapatan Mahkamah

[29] Adalah menjadi undang-undang mantap bahawa beban pembuktian pihak-pihak di dalam kes ini adalah pada tahap imbangan kebarangkalian.

[30] Selaras dengan nas undang-undang, kes *Unsung Rasad v. PP* [2020] 1 SSLR 85; [2019] 4 MLJ 448, konsep beban pembuktian tersebut dijelaskan oleh Abang Iskandar Abang Hashim JCA (pada masa itu) mengadaptasi kes Inggeris seperti berikut:

> "In the celebrated case of *Miller v. Minister of Pensions* [1947] 2 All ER 372, Denning J (as he then was) said: If the evidence is such that the tribunal can say 'we think it more probable than not' the burden is discharged, but if the probabilities are equal it is not. That would invariably require that party involved having to lead or adduce affirmative evidence to prove his case, as the court shall presume the absence of those circumstances, to reach a level of proof of at least 51 % probability against his adverse party. We would cite the English case of *Re B* [2008] UKHL 35, where Lord Hoffman had used a mathematical analogy to illustrate what needed to be proven by a party desirous of having judgment entered in his favour, like so:
>
> > If a legal rule requires a fact to be proved (a 'fact in issue'), a judge or jury must decide whether or not it happened. There is no room for a finding that it might have happened. The law operates a binary system in which the only values are 0 and 1. The fact either happened or it did not. If the tribunal is left in doubt, the doubt is resolved by a rule that one party or the other carries the burden of proof. If the party who bears the burden of proof fails to discharge it, a value of 0 is returned and the fact is treated as not having happened. If he does discharge it, a value of 1 is returned and the fact is treated as having happened".

[31] Dalam hal ini, Mahkamah ini berpandangan bahawa pihak Plaintif perlu membuktikan setiap tuntutan Plaintif tersebut terhadap Defendan. Beban pembuktian pada setiap masa terletak pada Plaintif untuk membuktikan kewujudan perkara-perkara yang menjadi asas kepada tuntutan Plaintif.

[32] Ini adalah bertepatan dengan kehendak s 101 Akta Keterangan 1950 yang memperuntukkan bahawa:

> "(1) Whoever desires any court to give judgment as to any legal right or liability, dependent on the existence of facts which he asserts, must

prove that those facts exist. (2) When a person is bound to prove the existence of any fact, it is said that the burden of proof lies on that person.

(2) When a person is bound to prove the existence of any fact, it is said that the burden of proof lies on that person."

[33] Selanjutnya, Plaintif yang inginkan keputusan memihak kepadanya haruslah membuktikan fakta yang diplidkan dalam pernyataan tuntutan. Ini juga bertepatan dengan kehendak s 103 Akta Keterangan 1950 yang memperuntukkan bahawa:

"The burden of proof as to any particular fact lies on that person who wishes the court to believe in its existence, unless it is provided by any law that the proof of that fact shall lie on any particular person."

[34] Sesuatu fakta itu dianggap telah dapat dibuktikan berpandukan kepada s 3 Akta Keterangan 1950 seperti berikut:

"a fact is said to be "proved" when, after considering the matters before it, the court either believes it to exist or considers its existence so probable that a prudent man ought, under the circumstances of the particular case, to act upon the supposition that it exists;..."

[35] Dalam kes *Voon Jan Choo v. Lee Chie Siang & Anor* [2007] 2 MLRH 601; [2007] 7 MLJ 77; [2007] 9 CLJ 242, Mahkamah Tinggi telah menyatakan pendirian Mahkamah apabila menilai pembuktian fakta setelah meneliti beberapa keadaan seperti berikut:

"The word 'proof means anything, which serves to convince the mind about the truth or falsehood of a proposition. Under s 3 of EA 1950 a fact is said to be proved when after considering the matters before it, the court either: (a) believes it to exist; or (b) considers its existence so probable that a prudent man ought, under the circumstances of the particular case, to act upon the supposition that it does exist."

[36] Oleh yang demikian, berikut adalah penilaian Mahkamah bagi isu-isu yang berbangkit bagi tindakan ini.

Isu-Isu Dibicarakan

(i) Sama Ada Wujud Kontrak Yang Sah Dan Sama Ada Terma-Terma Kontrak Telah Dipersetujui Oleh Kedua-Dua Pihak

[37] Setelah Mahkamah meneliti kedua-dua keterangan dalam kes ini, Mahkamah mendapati bahawa tiada sebarang perjanjian bertulis telah dimasuki atau ditandatangani di antara Plaintif dan Defendan bagi kerja-kerja pembekalan dan pemasangan lantai kayu tarian tersebut.

[38] Akan tetapi, walaupun ketiadaan perjanjian bertulis dimasuki, Mahkamah mendapati bahawa sepanjang perbicaraan berjalan, pihak Plaintif tidak pernah menafikan bahawa pihak Plaintif telah memasuki kontrak dengan pihak Defendan bagi kerja-kerja pembekalan dan pemasangan lantai kayu tarian tersebut bagi acara pertandingan tarian anjuran syarikat Plaintif-Plaintif.

[39] Dalam kes ini, pihak Defendan telah memasang lantai kayu tarian di Hotel Royale Chulan Seremban pada 27 Oktober 2023 dan Plaintif telahpun menggunakan lantai tarian tersebut sepanjang pertandingan tarian berlangsung pada 28 Oktober 2023. Oleh itu, ini jelas telah menunjukan bahawa Plaintif-Plaintif telah menerima barangan tersebut dan perkhidmatan tersebut daripada Defendan.

[40] Dalam hal ini, fakta bahawa Defendan telah melakukan kerja-kerja pembekalan dan pemasangan lantai kayu tarian sepertimana yang diminta oleh Plaintif daripada Defendan dan fakta bahawa Plaintif telah membuat bayaran sebanyak RM40,000.00 kepada Defendan jelas menunjukkan telah wujud kontrak antara Plaintif dan Defendan dalam tindakan ini dan fakta tersebut juga tidak pernah dinafikan oleh kedua-dua pihak.

[41] Oleh itu, diperingkat ini Mahkamah memutuskan bahawa terdapat kontrak yang sah telah wujud di antara Plaintif-Plaintif dan Defendan bagi kerja-kerja pembekalan dan pemasangan lantai kayu tarian dan pihak-pihak adalah terikat dengan terma-terma perjanjian yang wujud daripada perjanjian yang telah dimasuki antara Plaintif dan Defendan.

[42] Pada hemat Mahkamah, tindakan Plaintif membuat bayaran kepada Defendan dan tindakan Defendan membekal dan memasang lantai kayu tarian tersebut kepada Plaintif menunjukkan bahawa pihak-pihak telah bersetuju dengan terma-terma perjanjian yang wujud dan sekaligus membentuk satu perjanjian yang mengikat kedua-dua pihak.

(ii) Sama Ada Defendan Telah Memenuhi Obligasinya Dan Sama Ada Plaintif Plaintif Berhak Menuntut Bayaran Balik

[43] Plaintif di dalam hujahannya telah menyatakan bahawa Defendan telah memberikan jaminan kepada Plaintif bahawa Defendan akan mengambil masa selama 5 hingga 6 jam untuk menyiapkan pemasangan lantai tarian tersebut di Hotel Royale Chulan Seremban bagi tujuan acara pertandingan tarian.

[44] Ini adalah kerana menurut Plaintif pihak hotel sebelum ini hanya mengambil masa lebih kurang 3 hingga 4 jam sahaja untuk memasang lantai tarian mereka. Oleh itu, pihak Plaintif menyatakan bahawa pihak mereka telah meminta Defendan untuk memasang lantai tarian dalam tempoh 5 hingga 6 jam sahaja.

[45] Walau bagaimanapun menurut Plaintif, pihak Defendan telah mengambil masa selama 15 jam untuk menyiapkan pemasangan lantai tarian tersebut

sedangkan Defendan mempunyai pengetahuan bahawa masa yang diberikan oleh pihak hotel untuk penyiapan pemasangan lantai adalah sangat pendek.

[46] Oleh itu, Plaintif dalam hujahannya menegaskan bahawa Defendan telah bertindak dengan tidak bercakap benar apabila memberi jaminan untuk menyiapkan pemasangan lantai tarian dalam tempoh 5 hingga 6 jam kepada Plaintif.

[47] Tambahan lagi menurut Plaintif kualiti lantai tarian yang dibekalkan dan dipasang oleh Defendan juga adalah tidak memuaskan untuk kegunaan dalam satu pertandingan. Akibat daripada itu, pihak Plaintif terpaksa menggunakan pita pelekat untuk menutup jurang antara lantai tarian yang dipasang oleh Defendan. Bagi menyokong penyataan tersebut, Pihak Plaintif telah mengemukakan gambar lantai tarian yang dipasang oleh Defendan di hotel tersebut seperti di eksibit P6, P11(a) hingga (o) dan P14.

[48] Oleh yang demikian pihak Plaintif telah menghujahkan bahawa pihak Defendan telah memungkiri kontrak kerana gagal menyediakan lantai tarian mengikut spesifikasi Plaintif dan gagal menyiapkan pemasangan dalam tempoh yang dijanjikan.

[49] Defendan sebaliknya pula menghujahkan bahawa tiada sebarang kemungkiran dipihak Defendan dan Defendan telahpun memenuhi obligasinya apabila Defendan telah hadir awal dari masa yang ditetapkan ke lokasi pemasangan dan memasang lantai kayu tersebut sebagaimana yang dipilih dan dipersetujui oleh Plaintif-Plaintif.

[50] Pihak Defendan menyatakan bahawa masa yang ditetapkan untuk Defendan membuat pemasangan lantai adalah pada jam 6.00pm. Akan tetapi Defendan telah membuat pemasangan lantai lebih awal dari masa yang ditetapkan iaitu pada jam 2.00pm. Dalam hal ini, Defendan menegaskan bahawa Defendan telah bertindak dengan efisyen dalam melaksanakan obligasinya sebagaimana yang dipersetujui.

[51] Selain itu menurut Defendan, beliau juga telahpun memaklumkan kepada Plaintif dengan lebih awal bahawa beliau memerlukan masa sekurang-kurangnya satu (1) hari untuk membuat pemasangan lantai tarian tersebut.

[52] Defendan dalam hujahannya menyatakan bahawa walaupun terdapat kecacatan seperti jurang dan permukaan keras, Defendan menghujahkan bahawa kecacatan tersebut tidak menjejaskan keseluruhan fungsi lantai tersebut sebagai tempat pertandingan tarian kerana acara pertandingan tarian anjuran pihak Plaintif tersebut tetap berjalan sepenuhnya oleh Plaintif walaupun terdapat kecacatan sebagaimana yang ditunjukkan oleh Plaintif.

[53] Tambahan lagi, Defendan menegaskan bahawa tiada sebarang bantahan atau aduan daripada pihak Plaintif sebelum, semasa dan selepas lantai tarian tersebut dipasang.

[54] Dalam hal ini, pihak Defendan menegaskan bahawa Plaintif tidak berhak

untuk menuntut bayaran balik kos pembekalan dan pemasangan lantai tarian tersebut setelah Plaintif mendapat dan menggunakan manfaat sepenuhnya daripada kontrak tersebut serta selepas Defendan melaksanakan sepenuhnya obligasi Defendan tersebut.

[55] Setelah meneliti keterangan kedua-dua berhubung dengan isu ini, Mahkamah mendapati terdapat dua versi keterangan yang bercanggah antara kedua-dua pihak iaitu Plaintif dan Defendan. Oleh itu, dalam membuat penilaian isu ini, Mahkamah merujuk kepada prinsip undang-undang di dalam kes *Ce Resources Sdn Bhd v. Owners of Ship Tanga 01* [2016] MLRHU 1069 berhubung pertimbangan Mahkamah jika wujudnya percanggahan keterangan antara kedua-dua pihak:

> "[34] There is a clear conflict between the evidence of the witnesses for the Plaintiff and the Defendant. To resolve such a conflict and to decide the credibility of witnesses and what weight (if any) to be attached to their evidence, I am guided by the following considerations:
>
> (1) documentary evidence, especially contemporaneous ones, should be preferred over oral evidence - please see Siti Norma Yaakob JCA's (as she then was) judgment in the Court of Appeal case of *Guan Teik Sdn Bhd v. Hj Mohd Noor Hj Yakob & Ors* [2000] 1 MLRA 617; [2000] 4 MLJ 433; [2000] 4 CLJ 324; [2000] 4 AMR 4062, at p 330;
>
> (2) the conduct of the parties is relevant under s 8(2) of the Evidence Act 1950 (EA) - please see Chang Min Tat FJ's judgment in the Federal Court in *Tindok Besar Estate Sdn Bhd v. Tinjar Co* [1979] 1 MLRA 81; [1979] 2 MLJ 229, at p 234;
>
> (3) the probabilities or improbabilities of the matter in issue, should be taken into account - please see the judgment of Ong Hock Thye FJ (as he then was) in the Federal Court case of *Muniandy & Ors v. PP* [1966] 1 MLRA 495; [1966] 1 MLJ 257, at p 258;
>
> (4) all the surrounding circumstances of the case should be considered - Guan Teik Sdn Bhd, at p 330; and
>
> (5) Section 8(1) EA has provided that motive is a relevant fact. As such, the Court should ascertain whether a witness is independent or otherwise. Self-serving testimony of a witness should be viewed with caution".

[56] Berlandaskan kepada prinsip undang-undang di atas, Mahkamah telah meneliti keterangan-keterangan saksi kedua-dua pihak dan berpandangan bahawa pihak Defendan telah memenuhi obligasinya berdasarkan kepada terma perjanjian yang telah terbentuk dan dipersetujui di antara Plaintif dan Defendan.

[57] Ini adalah Mahkamah mendapati bahawa lantai tersebut telah dipasang pada hari yang ditetapkan dan menggunakan jenis kayu yang telah dipersetujui oleh pihak Plaintif. Oleh yang demikian, dakwaan plaintif bahawa Defendan telah memungkiri terma perjanjian adalah tidak berasas berdasarkan kepada keterangan-keterangan yang berikut;

(i) jenis kayu lantai yang dipasang oleh defendan adalah jenis kayu lantai yang telah dipersetujui oleh Plaintif dan tiada sebarang bukti yang dikemukakan di Mahkamah yang menunjukkan jenis kayu tersebut adalah bukan jenis kayu yang telah dipersetujui oleh pihak Plaintif;

(ii) pihak Plaintif telahpun membuat bayaran kepada Defendan dan ia menunjukkan bahawa Plaintif telah bersetuju dan berpuas hati dengan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Defendan kepada Plaintif;

(iii) lantai kayu tersebut juga telah dipasang oleh Defendan di Hotel Royale Chulan Seremban dengan kehadiran Plaintif serta wakil Plaintif. Fakta bahawa Plaintif bersetuju apabila Defendan memberi akujanji akan memasang lantai dengan sempurna pada tarikh yang ditetapkan menunjukkan bahawa Plaintif telah menerima dan bersetuju dengan tawaran pihak Defendan;

(iv) pertandingan tarian yang dianjurkan Plaintif pada tarikh tersebut telah berjalan dengan lancar dan Mahkamah mendapati tiada sebarang bukti dikemukakan oleh Plaintif berhubung dengan aduan rasmi dari peserta ataupun pihak Plaintif kepada Defendan berhubung dengan ketidakpuasan hati terhadap lantai tarian tersebut semasa pertandingan berlangsung; dan

(v) Mahkamah mendapati Plaintif telahpun menikmati manfaat lantai tarian yang dipasang oleh Defendan.

[58] Berdasarkan kepada keterangan yang dikemukakan oleh Plaintif, adalah tidak dinafikan bahawa terdapat kecacatan pada lantai tarian apabila pihak Plaintif mengemukakan gambar keadaan lantai yang dilekatkan dengan pita pelekat. Walau bagaimanapun, Mahkamah berpandangan pihak Plaintif telah gagal untuk membuktikan kepada Mahkamah bahawa kecacatan tersebut adalah berpunca daripada tindakan Defendan sepenuhnya mengambil kira acara pertandingan tersebut berjaya dijalankan sepenuhnya tanpa sebarang masalah.

[59] Ini adalah kerana sekiranya kecacatan tersebut disebabkan oleh Defendan, pihak Plaintif sewajarnya membuat aduan rasmi kepada Defendan dan meminta Defendan untuk membetulkan (rectify) kecacatan tersebut. Akan tetapi, tiada bukti dikemukakan di Mahkamah menunjukkan sedemikian. Mahkamah mendapati acara pertandingan tarian tersebut tetap berjaya dijalankan sehingga selesai dengan menggunakan lantai kayu yang dipasang oleh Defendan.

[60] Oleh yang demikian, di peringkat ini Mahkamah bersetuju dengan hujahan pihak Defendan bahawa prinsip doctrine of substantial performance adalah terpakai iaitu pembeli terikat untuk membuat bayaran penuh kepada penjual walaupun terdapat kecacatan kecil dalam pelaksanaan kontrak, selagi kerja telah disempurnakan secara keseluruhan dan kecacatan tersebut.

[61] Mahkamah menggunapakai kes yang dirujuk oleh pihak Defendan iaitu kes *K P Kunchi Raman v. Goh Brothers Sdn Bhd* [1977] 1 MLRH 257; [1978] 1 MLJ 89 yang mana mahkamah telah menerima pakai prinsip yang dinyatakan oleh Lord Denning dalam kes *Hoenig v. Isaacs* [1952] 2 All ER 176, berkaitan dengan doktrin substantial performance, seperti berikut:

> "... When a contract provides for a specific sum to be paid on completion of specified work the courts lean against a construction of the contract which would deprive the contractor of any payment at all simply because there are some defects or omissions... Unless the breach does go to the root of the matter, the employer cannot resist payment of the price. He must pay if and bring a cross-claim for the defects and omissions) or alternatively, set them up in diminution of the price."

[62] Dalam hal ini, Mahkamah berpandangan bahawa adalah tidak adil dan tidak wajar untuk pihak Plaintif menuntut semula sepenuhnya bayaran bagi pembekalan dan pemasangan lantai kayu tersebut daripada Defendan sedangkan pihak Plaintif telahpun menggunakan dan menikmati sepenuhnya manfaat daripada pembekalan dan pemasangan lantai kayu tersebut daripada Defendan. Tambahan lagi kerja-kerja pemasangan lantai kayu tersebut telah dilaksanakan dengan kehadiran Plaintif dan pada tarikh sepertimana yang ditetapkan oleh kedua-dua pihak.

[63] Oleh yang demikian, berdasarkan kepada keterangan-keterangan di atas, diperingkat ini Mahkamah berpuas hati bahawa Defendan telahpun melaksanakan obligasinya sebagai pembekal dan pemasang lantai kayu tarian kepada pihak Plaintif dan pihak Plaintif tidak mempunyai hak untuk mendapatkan semula kos bayaran kerja-kerja tersebut tersebut setelah kerja-kerja tersebut dilaksanakan sepenuhnya oleh Defendan tanpa sebarang aduan rasmi dan bantahan daripada pihak Plaintif.

(iii) Sama Ada Terdapat Unsur Misrepresentation (Salah Nyata) Oleh Pihak Defendan Dalam Urusan Pembekalan Dan Pemasangan Lantai Kayu Tarian Tersebut Kepada Plaintif

[64] Pihak Plaintif dalam hujahannya menegaskan bahawa pihak Defendan telah membuat representasi salah kepada pihak Plaintif apabila:

> (i) Defendan menyatakan bahawa beliau mempunyai kemampuan untuk membekalkan dan memasang lantai tarian yang boleh ditanggalkan dan dipasang semula sehingga menyebabkan pihak Plaintif memasuki kontrak dengan Defendan;

(ii) Defendan menyatakan timber wood lebih berkualiti berbanding dengan laminate wood untuk lantai tarian;

(iii) Defendan menyatakan bahawa Defendan berkemampuan untuk meratakan lantai tarian tersebut bagi tujuan pertandingan tarian di Hotel Royale Chulan Seremban apabila pihak Plaintif menyatakan ketidakpuasan hati terhadap pemasangan lantai kayu yang tidak rata di Hotel Royale Chulan semasa Defendan hadir menunjukkan sampel kayu kepada Plaintif;

(iv) Defendan mengambil masa yang lama untuk membuat pemasangan lantai kayu sedangkan berdasarkan kepada keterangan SP3 dan SP4, pemasangan lantai kayu tarian hanya mengambil masa 4 jam sehingga 7 jam sahaja;

[65] Plaintif dalam hujahannya menyatakan bahawa akibat daripada representasi salah tersebut, pihak Plaintif telah menerima lantai tarian yang tidak sesuai untuk acara tarian dan lantai tarian yang rosak serta mempunyai kecacatan sehingga menyebabkan acara pertandingan tarian yang dianjurkan oleh pihak Plaintif telah terganggu.

[66] Defendan sebaliknya pula dalam hujahannya menyatakan bahawa representasi yang dibuat oleh pihak Defendan adalah bersifat umum dan berdasarkan pemahaman serta pengalaman Defendan sebagai tukang kayu, dan bukan merupakan jaminan mutlak.

[67] Dalam hal ini, pihak Defendan telah merujuk Mahkamah kepada s 18 Akta Kontrak 1950 yang memperuntukkan bahawa misrepresentasi perlu melibatkan pernyataan palsu tentang fakta penting yang mendorong pihak lain membuat kontrak. Seksyen 18 Akta Kontrak memperuntukkan seperti berikut:

"Misrepresentation

18. "Misrepresentation" includes:

(a) the positive assertion, in a manner not warranted by the information of the person making it, of that which is not true, though he believes it to be true;

(b) any breach of duty which, without an intent to deceive, gives an advantage to the person committing it, or anyone claiming under him, by misleading another to his prejudice, or to the prejudice of anyone claiming under him; and

(c) causing, however innocently, a party to an agreement to make a mistake as to the substance of the thing which is the subject of the agreement.

[68] Oleh itu pihak Defendan telah menghujahkan bahawa sebarang

kenyataan oleh Defendan berhubung pemilihan kayu atau kesesuaian lantai adalah bersifat pendapat teknikal sahaja dan bukan merupakan fakta material yang palsu. Selain itu, Pihak Plaintif juga tidak mengemukakan saksi pakar untuk menunjukkan bahawa terdapat keperluan teknikal yang khusus yang gagal dipenuhi oleh Defendan.

[69] Oleh itu, pihak Defendan menegaskan bahawa pihak Plaintit tidak berjaya membuktikan bahawa terdapat sebarang salah nyata atau penyataan salah oleh Defendan kepada Plaintif yang boleh membatalkan kontrak atau memberikan hak kepada Plaintif untuk mendapatkan suatu ganti rugi.

[70] Dalam hal ini, Mahkamah telah meneliti keterangan pihak-pihak serta eksibit-eksibit yang telah dikemukakan dalam kes ini yang mana diperingkat ini Mahkamah berpandangan bahawa tiada sebarang penyataan salah telah dibuat oleh Defendan terhadap pihak Plaintif dengan berdasarkan kepada fakta-fakta yang berikut:

(i) Defendan telah diperkenalkan sebagai tukang kayu/peniaga kayu kepada Plaintif oleh SP1 dan sepanjang perbicaraan adalah jelas bahawa Defendan adalah merupakan seorang peniaga pertukangan kayu dan fakta tersebut juga tidak pernah dinafikan oleh pihak Plaintif;

(ii) Mahkamah bersetuju bahawa pihak Defendan hanyalah mencadangkan pilihan atau alternatif kepada pihak Plaintif berhubung dengan jenis kayu bagi lantai tarian dan pihak Plaintif adalah bebas untuk membuat pilihan berhubung dengan jenis kayu yang dikehendaki walaupun Defendan menawarkan untuk plaintif menggunakan jenis kayu timber.

Ini adalah kerana Mahkamah mendapati bahawa tiada sebarang elemen "inducement" telah dibuktikan oleh Plaintif bagi menunjukkan kepada Mahkamah bahawa Plaintif telah didorong dengan salah oleh Defendan untuk memilih jenis kayu sebagaimana yang dicadangkan oleh Defendan.

Mahkamah merujuk kepada keterangan SP8 yang menyatakan seperti berikut:

> "Q: Ok. And when did the Defendant show you the sample wood, this wood?
>
> A: During the discussion with three of us, Kung Oi Fah, 1st Plaintiff my brother Yong Jackson, myself, around October 2023. So we have discussion about whether we want to use solid wood as a floor or laminate. And then what the Defendant told my brother and what is the con, what is the good side of using the timber wood and also what is laminate. If u disassemble it might cannot be reconnected easily for the next event. For timber wood it can be connect nicely. So this

is what Defendant told my brother then my brother told me."

Mahkamah juga merujuk kepada keterangan SD1 semasa pemeriksaan balas yang menyatakan seperti berikut:

"Q: En Chong, setuju dengan saya bahawa En Chong yang recommend kepada En Yong Jackson bahawa lantai solid wood adalah lebih sesuai untuk tari menari berbanding dengan laminated wood?

A: Saya cuma pernah analyse bagi En Yong bahawa kebaikan dan keburukan untuk laminated flooring dan juga dengan solid wood."

Oleh itu berdasarkan kepada keterangan di atas jelas menunjukkan bahawa Defendan hanya memberikan pendapat sahaja dan tiada sebarang penyataan palsu atau dorongan salah yang dibuat terhadap Plaintif kerana pihak Plaintif sebagai pelanggan dan pengguna boleh membuat pilihannya sendiri;

(iii) Plaintif juga telah diberi peluang terlebih dahulu untuk melihat sampel kayu timber sebagaimana yang dicadangkan oleh Defendan dan diberi peluang untuk melihat kerja-kerja pemasangan kayu oleh Defendan sebelum Plaintif bersetuju untuk menggunakan khidmat Defendan.

Mahkamah merujuk kepada keterangan SP9 dalam yang menyatakan seperti berikut:

Q: Why were you convinced that the Defendant could supply and install a dance floor for your dance competition events?

A: The Defendant also showed us a sample timber floor which intended to supply and install."

Mahkamah juga merujuk kepada keterangan SP1 semasa pemeriksaan balas yang menyatakan seperti berikut:

Q: So now that. So I repeat my question again, 18 May 2023 what actually happened? Because you said you know you heard. So I want to know, what you know, what you heard

A: I witnessed. I witnessed the Defendant brought in a few slabs of the wood which he has prepared and joined. And joined on the floor of the hotel ballroom to show the 1st Plaintiff.

Oleh yang demikian, pada hemat Mahkamah pihak Plaintif sendiri telah melihat jenis kayu tersebut dan bebas untuk memilih dan

membuat keputusan. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada keterangan, Mahkamah mendapati Plaintif masih memilih untuk menggunakan jenis kayu yang dicadangkan oleh Defendan walaupun Plaintif pada mulanya tidak berpuas hati pada jenis kayu tersebut.

Mahkamah merujuk kepada keterangan SP9 semasa pemeriksaan balas yang menyatakan seperti berikut:

> Q: Ok, so after the incident again after the joint was not correct and all that in May, did you consider that maybe this is not the right thing, I should go back for laminated flooring?
>
> A: I did think about that
>
> Q: Why didn't you ask him to fix and show it to you again and make sure that is what you want before you actually made payment again in August?
>
> A: First of all I did ask him to fix it..... And also I trust he is professional he is expert in this where he claim himself he is....
>
> Q: Ok question is you trust. What was your trust based on?
>
> A: He is expert.
>
> Q: You did not see his previous work. You didn't ask his profile. You don't know whether he has experience or not. What your trust based on?
>
> A: Good faith.

(iv) Plaintif mempunyai masa untuk membuat semakan sendiri berhubung dengan jenis kayu yang dicadangkan oleh Defendan kerana sampel kayu tersebut telahpun ditunjukkan kepada pihak Plaintif sekitar bulan May 2023 dan acara pertandingan tarian tersebut adalah pada bulan Oktober 2023.

Mahkamah merujuk kepada keterangan SP9 yang menyatakan seperti berikut:

> Q: Did you discuss in detail with the Defendant on the requirements of the floor to be fit for dancing?
>
> A: Yes, I recall sometime in May 2023, when the Defendant asked to check on the hotel ballroom floor to see whether the floor is even, we had a discussion face to face at the ballroom of the Royale Chulan Hotel in the presence of Kung Oi Fah, the PA system and the lighting technician and the hotel workers.

> The Defendant has assured me that since the hotel ballroom is even, there would be no problem. He and his workers also installed a portion of the timber floor in the hotel ballroom to reassure me how the floor will be installed.

Oleh itu, pihak Plaintif sebenarnya mempunyai masa yang panjang untuk membuat semakan sendiri sebelum membuat keputusan untuk memilih menggunakan kayu timber seperti yang dicadangkan oleh Defendan;

(v) tiada sebarang persetujuan bertulis berhubung dengan tempoh masa pemasangan lantai tarian tersebut. Oleh itu, memandangkan lantai kayu tarian tersebut telah siap dipasang sebelum acara pertandingan berlangsung dan peserta-peserta sempat untuk menggunakan lantai tarian tersebut bagi tujuan rehearsal, maka pada hemat Mahkamah, pihak Defendan telah menjalankan sepenuhnya obligasi beliau sebagaimana yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak,

Mahkamah merujuk kepada keterangan SP1 semasa pemeriksaan balas yang menyatakan seperti berikut:

> Q: And during that time was it discussed again with the 1st Plaintiff or anyone asked him how much time will he need to actually put the stage up?
>
> A: I have no idea. I have no idea whether there has been discussed.
>
> Q:.... Now all these things, all these documented anywhere? this discussion is there any documentation?
>
> A: You are talking, no not in that.

(vi) tiada unsur paksaan atau penipuan dipihak Defendan berhubung dengan perkhidmatan pembekalan dan pemasangan lantai kayu tarian tersebut kerana berdasarkan kepada keterangan yang dikemukakan, Mahkamah telah mendapati bahawa;

> • skirting telah dipasang sebagaimana yang dijanjikan oleh Defendan bagi tujuan untuk meratakan lantai kayu. Oleh itu, ia jelas menunjukkan bahawa Defendan telah mengambil inisiatif dan usaha untuk meratakan lantai tarian tersebut sebagaimana yang diminta oleh Plaintif;
>
> • lantai kayu tarian tersebut juga telah siap dipasang oleh Defendan sebagaimana yang telah dijanjikan sebelum acara pertandingan berlangsung;

• acara tarian tersebut telah berlangsung sepenuhnya tanpa sebarang penangguhan dipihak Plaintif atau mana-mana pihak lain;

• lantai tarian tersebut juga telah digunakan sepenuhnya oleh Plaintif bagi acara tarian tersebut;

• jenis lantai kayu yang dipasang oleh Defendan bagi acara tarian tersebut adalah jenis lantai kayu yang dipilih dan dipersetujui oleh Plaintif sebelum ini;

• lantai kayu tersebut masih dalam simpanan Defendan sebagaimana yang dijanjikan oleh kedua-dua pihak dan Defendan bebas untuk mengambil dan menggunakan lantai kayu tersebut; dan

(vii) tiada juga sebarang aduan bertulis daripada pihak Plaintif selepas perjumpaan pada bulan Mei 2023 dan selepas pemasangan lantai kayu pada bulan Oktober 2023. Malah selepas perjumpaan pada May 2023, pihak Plaintif masih ingin menggunakan khidmat Defendan dan tiada sebarang pindaan pada jenis kayu dibuat oleh pihak Plaintif kepada Defendan; dan

(viii) Plaintif juga telah menggunakan khidmat Defendan untuk kerja-kerja renovasi studio tarian milik Plaintif. Oleh itu adalah tidak berasas untuk Plaintif mengatakan Defendan telah membuat penyataan salah berhubung dengan kerja-kerja pemasangan lantai di Hotel Royale Chulan sedangkan Plaintif juga menggunakan khidmat Defendan untuk kerja-kerja renovasi bagi studio tarian Plaintif dan tiada sebarang aduan berhubung dengan kerja renovasi tersebut.

[71] Oleh yang demikian, diperingkat ini Mahkamah bersetuju dengan hujahan Defendan bahawa pihak Plaintif telah gagal untuk membuktikan terdapat penyataan salah yang boleh membatalkan kontrak diantara Plaintif dan Defendan dan memberi hak kepada Plaintif untuk mendapatkan semula kos pemasangan dan pembekalan lantai kayu dan kos ganti rugi yang lain, jika ada.

(iv) Sama Ada Kerugian Plaintif-Plaintif Dibuktikan

[72] Pihak Plaintif dalam kes ini telah menyatakan bahawa pihak Plaintif telah mengalami kerugian dari segi kewangan dan reputasi akibat daripada tindakan Plaintif yang membekalkan dan memasang lantai tarian yang cacat, tidak rata dan tidak selamat serta tidak mengikut spesifikasi sebagaimana yang diminta oleh pihak Plaintif.

[73] Di peringkat ini setelah Mahkamah meneliti keterangan yang dikemukakan, Mahkamah bersetuju dengan hujahan pihak Defendan bahawa pihak Plaintif telah gagal untuk mengemukakan sebarang keterangan kukuh

bagi membuktikan kerugian yang didakwa dialami oleh pihak Plaintif.

[74] Dalam tindakan ini, pihak Plaintif telah mengatakan bahawa pihak Plaintif telah mengalami kerugian akibat daripada reputasi buruk yang diterima selepas acara pertandingan tarian tersebut.

[75] Walau bagaimanapun, Mahkamah mendapati tiada sebarang bukti dokumen telah dikemukakan oleh Plaintif untuk menunjukkan kepada Mahkamah bahawa pihak Plaintif telah mengalami reputasi buruk sehingga menyebabkan kerugian kepada perniagaan Plaintif.

[76] Sebaliknya, berdasarkan kepada keterangan yang dikemukakan, Mahkamah mendapati acara pertandingan tarian anjuran Plaintif masih diteruskan pada tahun seterusnya dan ia masih mendapat sambutan yang memberangsangkan. Mahkamah merujuk kepada keterangan SP8 yang menyatakan seperti berikut:

> Q: Did anybody sue you for compensation?
>
> A: No. Just verbally complained to me.
>
> Q: Complained. But any financial loses?
>
> A: No.
>
> Q: But can you, do you have any evidence to show because of your reputation last year, this year your competition got less?
>
> A: Verbally only. I don't have anything to show.
>
> Q: Ok. Were there any negative reviews by participants, judges, or sponsors that you can show in court?
>
> A: No other big negative review but mostly it's just about floor.
>
> Q: Ok yes that's why I said apart from the floor, any social media newspaper?
>
> A: No, no evidence. Just verbally, yes.

[77] Selain itu juga, Mahkamah juga mendapati tiada sebarang kerugian kewangan telah dibuktikan oleh Plaintif yang dikatakan dialami oleh Plaintif selepas acara pertandingan tersebut berdasarkan kepada fakta berikut:

> (i) tiada sebarang tindakan saman telah difailkan oleh mana-mana pihak terhadap Plaintif akibat daripada acara pertandingan tersebut;
>
> (ii) tiada sebarang pampasan atau kos tambahan telah dikeluarkan oleh pihak Plaintif akibat daripada kecederaan atau aduan yang didakwa timbul selepas acara pertandingan tersebut;

(iii) lantai kayu tersebut juga masih menjadi milik pihak Plaintif sehingga kini dan telah disimpan baik oleh Defendan sebagaimana perjanjian dan persetujuan kedua-dua pihak dan pihak Plaintif masih boleh mendapatkan lantai kayu tersebut daripada Defendan; dan

(iv) saksi-saksi yang telah dipanggil oleh Plaintif juga mengesahkan bahawa pertandingan tarian tetap berjaya diteruskan sehingga selesai tanpa sebarang penangguhan walaupun terdapat kecacatan sebagaimana yang didakwa pada lantai tarian.

[78] Dakwaan Plaintif-Plaintif bahawa Plaintif mengalami kehilangan pelanggan, kerugian keuntungan dan menanggung kos tambahan tidak disokong oleh apa-apa dokumen sokongan seperti penyata kewangan, invois, atau saksi-saksi yang berkaitan.

[79] Oleh yang demikian, Mahkamah sekali lagi berpandangan bahawa pihak Plaintif telah gagal untuk membuktikan tuntutan kerugian yang dialami oleh Plaintif sebagaimana yang telah diplidkan dalam penyataan tuntutannya.

(v) Sama Ada Defendan Telah Membuktikan Tuntutan Balas

[80] Defendan dalam tindakan ini telah menuntut dua bayaran berjumlah RM19,000.00 yang belum dijelaskan oleh Plaintif, iaitu:

(a) RM6,000.00 bagi kerja tambahan melibatkan penambahan saiz lantai tarian di Hotel Royale Chulan; dan

(b) RM13,000.00 bagi kerja-kerja pengubahsuaian studio Plaintif-Plaintif.

[81] Mahkamah telah meneliti keterangan yang dikemukakan oleh pihak Defendan berhubung dengan tuntutan balas tersebut dan Mahkamah mendapati seperti berikut:

(i) pihak Plaintif tidak pernah sepanjang perbicaraan menafikan berhubung dengan kerja-kerja penambahan saiz lantai tarian di Hotel Royale Chulan yang dijalankan oleh Defendan dengan kos tambahan sebanyak RM6,000.00;

(ii) pihak Plaintif juga tidak menafikan berhubung dengan kerja-kerja pengubahsuaian studio milik Plaintif yang dibuat oleh Defendan dengan kos sebanyak RM13,000.00;

(iii) tiada sebarang notis bantahan atau notis pembatalan dikemukakan oleh Plaintif kepada Defendan berhubung kerja-kerja renovasi tersebut; dan

(iv) pihak Plaintif juga tidak menafikan bahawa bayaran bagi kedua-dua kos tersebut masih belum dijelaskan oleh Plaintif kepada

Defendan sehingga kini. Fakta ini disokong oleh keterangan SP1 dan SP9 di Mahkamah.

Mahkamah dengan ini merujuk kepada keterangan SP9 semasa pemeriksaan balas yang menyatakan seperti berikut:

> Q: Total cost of the dance floor? How much was he total cost for the dance floor which you were supposed to pay actually?
>
> A: Initially RM40,000.00 after the extension another RM6,000.00.
>
> Q: RM6,000.00, so how much you have paid?
>
> A: RM40,000.00.
>
> Q: And the balance RM6,000.00, why didn't you pay?
>
> A: Because we agreed to pay after the event, and after the event, the floor have defect, then we, Kung Oi Fah is trying to negotiate in the middle for us to settle.
>
> Q: Did you do any other renovations for you?
>
> A: Yes, our next door studio, but it's not about the floor. It's other renovation its like:
>
> Q: Refer bundle B pp 6 to 11. Is this the work that the Defendant did for you in studio?
>
> A: Yes this is the studio.
>
> Q: Was the work completed or not?
>
> A: Yes.
>
> Q: It was completed. Ok. And did you pay him?
>
> A: We agreed to pay after the competition because renovation is running quite similar time with our competition.
>
> Q: Your answer. Did you pay him?
>
> A: No.
>
> Q: Can we refer to p 12, bundle B. is this the amount you are supposed to pay him RM13,000.00?
>
> A: Yes

Mahkamah juga merujuk kepada keterangan SP1 semasa pemeriksaan balas yang menyatakan seperti berikut:

> Q: How many projects did the Defendant do for the Plaintiff? One or two?
>
> A: The first one is a dance floor which is centre of this case and the second one is a renovation in the studio.
>
> Q: How was the renovation work in studio?
>
> A: That is no issue.
>
> Q: Any complain on the work in the studio?
>
> A: We have none.
>
> Q: So everything was done as per the expectation of the Plaintiff?
>
> A: Yes. Its only part of the renovation yes.
>
> Q: So was payment made for the work?
>
> A: It was not made yet.
>
> .....
>
> Q: So despite all this not sure and all that.
>
> A: The RM13,000.00 is not an issue.

[82] Walaupun dalam keterangan pihak Plaintif menyatakan bahawa jumlah tersebut tidak dibayar atas alasan terdapat rundingan dari kedua-dua pihak, Mahkamah berpandangan bahawa memandangkan kes ini telah dirujuk ke Mahkamah oleh Plaintif, ia jelas menunjukkan bahawa rundingan sebagaimana yang didakwa oleh Plaintif adalah gagal dan sekaligus telah terbatal.

[83] Oleh yang demikian, diperingkat ini Mahkamah berpandangan bahawa pihak Defendan telah berjaya membuktikan tuntutan balasnya terhadap Plaintif-Plaintif dan kegagalan Plaintif untuk membayar kedua-dua jumlah tersebut terjumlah kepada satu pelanggaran terhadap tanggungjawab kontraktual.

Kesimpulan

[84] Maka, setelah meneliti pliding pihak-pihak, keterangan saksi-saksi yang dipanggil serta eksibit-eksibit yang dikemukakan dalam perbicaraan ini dan setelah menimbangkan kes ini secara keseluruhannya, Mahkamah

memutuskan berdasarkan hal dan keadaan kes, pihak Plaintif telah gagal membuktikan tuntutannya ke atas pihak Defendan di atas ujian kebarangkalian. Oleh itu, Mahkamah menolak tuntutan pihak Plaintif dengan kos mengikut skala.

[85] Manakala bagi Tuntutan Balas Defendan, Mahkamah memutuskan bahawa pihak Defendan telah berjaya membuktikan tuntutan balasnya terhadap Plaintif di atas ujian imbangan kebarangkalian. Oleh itu, Mahkamah membenarkan Tuntutan Balas Defendan dengan kos (skala).